

No. Soalan:1
PR-1321-L59914

PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN BAGI
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATUK PANGLIMA ANNUAR
BIN MUSA
[KETEREH]**

TARIKH : 19 MAC 2014

**SOALAN : Tan Sri Datuk Panglima Annuar bin Musa
minta MENTERI LUAR NEGERI
menyatakan apakah langkah-langkah yang
diambil oleh Kerajaan bagi membantu para
diplomatik dan pegawai-pegawai Kerajaan
yang bertugas di luar Negara sekiranya
terbabit dengan pendahuluan/ perbicaraan
di mahkamah Negara yang berkenaan.**

Jawapan

Tuan Yang Di Pertua,

Izinkan saya untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat **Ketereh** secara bersekali dengan tiga (3) lagi pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh:

- Yang Berhormat **Pulai** pada 19 Mac 2014;
- Yang Berhormat **Libaran** pada 1 April 2014; dan
- Yang Berhormat **Tumpat** pada 1 April 2014

Tuan Yang Di Pertua,

2. Kerajaan Malaysia amat prihatin terhadap situasi rakyat Malaysia yang berada di luar negeri lebih-lebih lagi mereka yang menghadapi masalah kes penahanan imigresen mahupun kes tahanan jenayah. Sebagai sebuah entiti diplomatik, pegawai konsular di Perwakilan Malaysia di luar negeri akan memberikan bantuan konsular kepada warganegara Malaysia termasuklah pegawai Kerajaan yang bertugas di luar negara. Lebih-lebih lagi pegawai kerajaan yang bertugas di luar negeri adalah sebahagian daripada pegawai Kedutaan / Suruhanjaya Tinggi Malaysia di bawah **Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 2009 Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia** di luar negera. Antara langkah dan bantuan konsular yang diberikan adalah:

- 2.1 Kementerian Luar Negeri melalui Perwakilan Malaysia di luar negeri akan bertemu pegawai berkenaan untuk mengetahui kedudukan kes berkenaan dan sekiranya kes berkenaan boleh diselesaikan diperingkat awal, maka urusan dengan pihak berkuasa tempatan akan dilakukan bagi membebaskan pegawai berkenaan;
- 2.2 Lawatan konsular dalam bentuk membekalkan keperluan pegawai akan dilakukan secara berterusan;
- 2.3 Sekiranya kes ini serius dan melibatkan kes jenayah dan mahkamah, pegawai akan dinasihatkan supaya mengambil peguam tempatan untuk mewakili beliau; dan
- 2.4 Pertemuan dengan pegawai dan perbincangan dengan peguambela dilakukan dari masa ke semasa bagi mendapatkan maklumat lanjut serta nasihat mengenai perundangan negara berkenaan bagi memastikan hak pegawai terjamin.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Kementerian Luar Negeri sentiasa memberi penekanan kepada pejawat awam Kementerian serta agensi-agensi Kerajaan lain yang akan berkhidmat di luar negara supaya mereka mematuhi perundangan dan peraturan yang berkuatkuasa di negara yang mereka akan berkhidmat.

4. Dalam hal ini, Kementerian Luar Negeri melalui Institut Diplomasi dan Hubungan Luar (IDHL) atau IDFR sentiasa menganjurkan kursus Pra-Penempatan (*pre-posting*) yang turut disertai oleh pegawai-pegawai dari agensi kerajaan yang lain terutamanya yang akan berkhidmat di luar Negara bagi kali pertama. Ini adalah selaras dengan perenggan **4.3.1. Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 2009** mengenai Sistem Pentadbiran Kerajaan Malaysia yang menyatakan bahawa “***Agensi-agensi Kerajaan Malaysia adalah diwajibkan untuk menghantar pegawai yang pertama kali ditempatkan di luar negera menghadiri kursus yang dianjurkan oleh Kementerian Luar Negeri dari semasa ke semasa***”. Kursus ini dianjurkan sekurang-kurangnya empat kali setahun. Di dalam kursus tersebut, terdapat modul latihan *Preparation for Living and Working Abroad* di mana ditekankan mengenai keperluan penjawat awam untuk memahami dan mematuhi undang-undang tempatan.

5. Di samping itu, setiap Perwakilan Malaysia di luar negeri juga ada menyediakan Laporan Penempatan atau (*Post Report*) yang mengandungi maklumat-maklumat penting mengenai negara tuan rumah termasuklah berkaitan undang-undang dan peraturan-peraturan tempatan yang perlu diketahui dan dipatuhi. Laporan ini disediakan bertujuan untuk membantu persiapan pegawai yang akan bertugas ke luar negeri dan dikemaskinikan secara berkala. Ia membantu mempercepat proses penyesuaian oleh pegawai dengan budaya dan undang-undang di Negara tersebut.

Sekian. Terima Kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WONG LING BIU

KAWASAN : SARIKEI

TARIKH : 19 MAC 2014, RABU

SOALAN:

YB. TUAN WONG LING BIU (SARIKEI) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan pembinaan lorong memotong untuk menaik taraf Pan Borneo Highway. Adakah projek pembinaan lorong memotong masih menggunakan jalan raya yang sedia ada ataupun ia merupakan pembinaan jalan raya yang baru. Bilakah pembinaan semua lorong memotong di Pan Borneo Highway akan siap dibina.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan lorong memotong atau *overtaking lane* di Jalan Pan Borneo dilaksanakan di laluan jalan sedia ada. Tujuan lorong memotong ini dibina ialah untuk memberi keselesaan pemanduan kepada pengguna, khususnya di laluan berbukit dan juga selekoh. Pembinaan lorong memotong ini diharap dapat mengurangkan risiko berlaku kemalangan di samping dapat menjimatkan masa perjalanan di sepanjang Jalan Pan Borneo.

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, Kementerian Kerja Raya setakat ini telah mengenalpasti keperluan untuk membina 95 lorong memotong di seluruh Jalan Pan Borneo. Daripada jumlah tersebut, 17 projek membina lorong memotong telah dan sedang dibina, iaitu 10 di Sarawak dan 7 lokasi lagi di Sabah. Setakat ini 5 lokasi lorong memotong di Sarawak dan 5 lokasi di Sabah telah disiapkan.

Untuk tempoh jangka panjang, Kerajaan akan menaik taraf keseluruhan Jalan Pan Borneo sedia ada kepada laluan *dual-carriageway* secara berperingkat sehingga tahun 2025. Oleh itu projek lorong memotong yang telah dan sedang akan dibina ini akan diserap sebagai sebahagian daripada skop pembinaan laluan *dual-carriageway* berkenaan.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK MADIUS TANGAU [TUARAN]

TARIKH : 19 MAC 2014

SOALAN :

Datuk Madius Tangau [Tuaran] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah-langkah yang telah dan sedang diambil untuk menstabilkan harga komoditi di negara kita terutama sekali getah.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, harga komoditi eksport utama negara seperti minyak sawit, getah, kayu-kayan, koko dan lada bergantung kepada permintaan dan penawaran di pasaran antarabangsa. Selain itu, ia juga ada hubung kait dengan pertumbuhan ekonomi di negara-negara pengimport utama seperti negara China, Kesatuan Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, serta dipengaruhi oleh dasar kewangan negara-negara pengimport tersebut.

Dalam usaha memperkuatkkan harga komoditi, Malaysia menganggotai beberapa badan serantau, antarabangsa dan forum dua hala bagi membincangkan antara lain, kerjasama memperkuatkkan harga komoditi. Ini termasuk:

- i. *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) yang melibatkan tiga pengeluar utama getah asli dunia iaitu Malaysia, Thailand dan Indonesia. Selain itu, Malaysia juga adalah ahli *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC) yang melibatkan 10 negara pengeluar dan sebuah negara pedagang;
- ii. *International Cocoa Organisation* yang melibatkan keanggotaan seramai 45 buah negara meliputi negara-negara pengeluar dan pengguna;

- iii. *International Pepper Community* (IPC) yang disertai oleh enam buah negara pengeluar utama dunia;
- iv. *International Tropical Timber Organisation* (ITTO) yang dianggotai oleh seramai 68 negara pengeluar dan pengguna; dan
- v. Kerjasama dua hala dalam bidang komoditi di antara Malaysia dan Indonesia di mana perbincangan termasuk langkah-langkah memperkuuhkan harga minyak sawit. Kedua-dua negara menghasilkan hampir 85 peratus pengeluaran minyak sawit dunia.

Dalam kes industri getah, kerjasama di bawah ITRC tertumpu kepada langkah-langkah berikut:

- i. Pelaksanaan *Agreed Export Tonnage Scheme* (AETS) untuk mengawal eksport melalui penetapan kuota dalam keadaan penurunan harga yang mendadak. Mekanisme ini telah pun dilaksanakan mulai 1 Oktober 2012 hingga 31 Mac 2013. Pada tempoh itu, ketiga-tiga negara tersebut secara kolektif telah menghadkan pengeksportan 300,000 tan getah asli dan ini telah memberi kesan positif kepada peningkatan harga; dan
- ii. Melaksanakan *Supply Management Scheme* (SMS) sebagai satu langkah jangka masa panjang untuk mengimbangi permintaan dan penawaran dunia bagi memastikan satu paras harga yang menguntungkan. Di bawah SMS ini, ketiga-tiga negara ITRC tersebut akan dapat mengawal bekalan getah asli dunia menerusi

program tanam semula dan tanaman baharu getah secara terancang.

Tuan Yang Di-Pertua,

Selain kerjasama serantau, antarabangsa dan dua hala, langkah-langkah domestik yang akan diteruskan bagi memperkuuhkan harga komoditi termasuk harga getah adalah:

- i. Meningkatkan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) bertujuan meningkatkan penghasilan produk-produk baharu;
- ii. Meneroka pasaran-pasaran baharu dan memperkuuhkan pasaran sedia ada melalui antara lain, pengajuran seminar khusus serta misi promosi dan teknikal; dan
- iii. Menyediakan insentif tanaman semula terutamanya kepada para pekebun kecil bertujuan mengurangkan bekalan dan meningkatkan produktiviti dalam jangka masa panjang.

Sekian, terima kasih.